

Jenis Akhbar : *Bernama Online*
Tarikh : *03/08/2018*
Edisi / Muka surat : www.bernama.com
Tajuk : *Koperasi Malaysia dipelawa eksport makanan halal untuk Sukan Olimpik Tokyo*

Koperasi Malaysia dipelawa eksport makanan halal untuk Sukan Olimpik Tokyo

Tarikh kemaskini: 03/08/2018

KUALA TERENGGANU, 2 Ogos (Bernama) -- Kesemua 14,000 koperasi di Malaysia kini berpeluang meneroka pasaran makanan halal di Jepun bagi memenuhi permintaan negara itu yang akan menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2020.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata Kesatuan Koperasi Pengguna Jepun telah mempelawa koperasi-koperasi di Malaysia untuk mengeksport produk halal untuk menampung keperluan makanan kontinjen yang akan berada di Tokyo sepanjang temasya sukan terbesar dunia itu berlangsung.

"Ketika ini, Angkasa sedang berbincang lebih lanjut mengenai piawaian dan kriteria yang ditetapkan Jepun sebagai garis panduan untuk koperasi Malaysia menyediakan produk halal tersebut.

"Justeru, Angkasa berharap mana-mana koperasi di negara yang berminat boleh memulakan persediaan itu sama ada menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat pengeluar makanan halal atau mengeksport produk halal milik koperasi sendiri dari pelbagai aspek termasuk pelabelan dan pembungkusan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Pemerkasaan Strategi Perniagaan Koperasi peringkat negeri Terengganu di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata Angkasa menjangkakan nilai eksport makanan halal ke Jepun sepanjang Sukan Olimpik itu berlangsung ialah antara RM10 juta hingga RM20 juta.

Selain Jepun, negara yang turut berminat mendapatkan makanan halal dari koperasi Malaysia ialah Korea Selatan dan China.

"Angkasa turut dipelawa untuk bekerjasama dengan koperasi di negara-negara itu untuk mendapatkan pengiktirafan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi memudahkan urusan perniagaan koperasi kedua-dua belah pihak," katanya.

-- BERNAMA